

JPS tunggu kebenaran

Kerja pemasangan konkrit perlu kerjasama penduduk

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sedang menunggu keputusan bagi mendapatkan kebenaran daripada penduduk terlibat untuk memulakan kerja membaik pulih mendapan di Syed Mahadi, Kampung Baru, di sini.

Pengarahnya, Abu Bakar Mohd Yusof berkata, kerja baik pulih yang bakal dilakukan itu akan membantu menangani masalah mendapan untuk sementara waktu, sementara projek pengalihan lencongan palong dilaksanakan.

Menurutnya, ia seperti mana yang telah dinyatakan dalam pertemuan bersama penduduk pada 10 Januari lalu yang mana ia turut disertai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Institute Kerja Raya Malaysia (Ikram) dan Lembaga Pentadbir Pertanian Penempatan (Mas).

"Kontraktor sudah dilantik, hanya menunggu kebenaran daripada pemilik tiga rumah yang berdekatan dengan mendapan itu untuk kita mulakan kerja baik pulih.

mendapan makin besar cetus kebimbangan



Maklum mendapan di belakang rumah dua tingkat di Jalan Syed Mahadi ini semakin membesar. Gambar: Bekir Masidah

Laporan Sinar Harian semalam, yang menyiarkan kebimbangan penduduk di Syed Mahadi, Kampung Baru berikutan keadaan mendapan yang semakin besar.

"Ya melibatkan pemasangan cerucuk (piling) dan konkrit yang membantu sebagai penahan daripada mendapan berulang, pemasangan 'geotextile' seperti mana sebelum ini turut dilakukan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*, semalam.

Difahamkan, penduduk terlibat enggan berpindah daripada kediaman mereka untuk memberi laluan kerja baik pulih seperti mana yang diminta JPS.

Keengganan itu menyebabkan JPS tidak dapat meneruskan usaha menangani masalah mendapan yang berlaku kerana bimbang ia memberi risiko kepada penghuni disebabkan pemasangan konkrit yang akan memberi kesan gegaran.

Abu Bakar berkata, JPS sepatutnya menerima keputusan dalam tempoh seminggu selepas pertemuan berlangsung dengan penduduk, namun sehingga kini belum menerima sebarang maklum balas daripada penduduk sendiri.

Katanya, kerja baik pulih tidak dapat dilaksanakan tanpa kebenaran tuan tanah kerana ia melibatkan tanah persendirian.

"Kerja-kerja yang mahu kita lakukan ini bagi mengelak mendapan lebih besar berlaku," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau memaklumkan, JPS akan menutup terus saluran di bawah tanah itu sebagai salah satu langkah jangka masa panjang.

Bagaimanapun menurutnya, perkara itu belum dapat dilaksanakan kerana masih menunggu peruntukan.